

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

99 SPEEDMART JENAMA MALAYSIA YANG MEMBANGGAKAN

KEDAH, 14 Februari 2020 – YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari ini merasmikan pembukaan cawangan pertama 99 Speed Mart di Kedah, di sini.

99 Speed Mart yang merupakan rakan strategik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah jenama Malaysia yang membanggakan. Jenama ini bukan sahaja dikenali di Malaysia bahkan sudah mengorak langkah ke Singapura dengan pembukaan 3 cawangan di negara jiran tersebut. Sehingga hari ini, 99 Speed Mart memiliki 1,600 cawangan.

Perkembangan cawangan ini sekaligus menambahkan peluang pekerjaan dalam sektor peruncitan dan setakat ini 99 Speed Mart telah memberikan 13,000 peluang pekerjaan kepada warga tempatan tanpa mengira bangsa dan agama.

Dalam membantu mengurangkan beban kos sara hidup, KPDNHEP dan 99 Speed Mart berganding bahu dalam pemberian sumbangan bernilai keseluruhan RM20,000.00 kepada rumah-rumah ibadat sekitar negeri Kedah dan sumbangan 300 unit *hamper bag* kepada golongan B40.

Selain itu, 99 Speed Mart juga adalah penyumbang utama kepada Food Bank Malaysia dan Food Bank Siswa pada tahun lepas dan telah memberi banyak manfaat kepada penerima dalam kalangan B40.

###
